



ABDUL RAHMAN AHMAD (tengah) bersama dengan pelajar Unirazak yang menerima zakat PNB di kampus Unirazak di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

30 pelajar cemerlang Unirazak terima zakat PNB



SEBANYAK 30 pelajar cemerlang Universiti Tun Abdul Razak (Unirazak) menerima bantuan zakat Permodalan Nasional Berhad (PNB) berjumlah RM30,000 sempena Majlis Penyampaian Bantuan Zakat PNB di kampus universiti itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sumbangan zakat itu telah disempurnakan oleh Presiden yang juga Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, **Datuk Abdul Rahman Ahmad**.

Majlis itu turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Unirazak, Amil Izham Hamzah dan Pemangku Naib Canselornya, Datin Paduka, Prof. Dr.



MUHAMAD NASRUN MARZUKI



NURUL NAJIHAH MOHD. SAUFI

Shamsinar Md. Sidin.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, setiap daripada pelajar Unirazak terbabit masing-masing menerima bantuan zakat sebanyak RM1,000.

“PNB berharap sumbangan zakat ini dapat menampung sebahagian daripada keperluan kewangan pengajian pelajar di Unirazak.

“Saya berharap pelajar yang menerima sumbangan ini dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dan berusaha dengan cemerlang dalam pelajaran,”katanya.

Sementara itu salah seorang penerima zakat PNB, Pelajar Ijazah Sarjana Muda Perancangan Kewangan Islam, **Muhamad Nasrun Marzuk**, 21, berkata, beliau



PNB berharap sumbangan zakat ini dapat menampung sebahagian daripada keperluan kewangan pengajian pelajar di Unirazak.”

mengucapkan terima kasih dan bersyukur kerana terpilih sebagai antara penerima zakat PNB.

“Saya akan menggunakan wang zakat yang diterima ini bagi membiayai kos keperluan pengajian di Unirazak,” katanya.

Rakannya pula, Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kepimpinan, **Nurul Najihah Mohd Saufi**, 21, berkata, dia amat bersyukur kerana turut terpilih menjadi penerima zakat PNB.

“Saya akan gunakan wang zakat ini dengan sebaik-baiknya, Terima Kasih PNB,” katanya.